



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia
No. Tel: 03-8886 6221, E-mel: infomitra@mitra.gov.my

MITRA.100-9/1/1 (44)

KENYATAAN MEDIA
4,165 MAHASISWA TERIMA BANTUAN IPT 5.0,
MITRA MULA SALUR DANA BERPERINGKAT

PUTRAJAYA, 14 APRIL 2026 – Seramai 4,165 mahasiswa daripada Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) telah dikenal pasti layak menerima bantuan kewangan di bawah program IPT 5.0 setelah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang kini secara rasmi berada di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah memulakan penyaluran dana secara berperingkat bermula 9 April 2026 kepada penerima yang telah diluluskan. Senarai penuh mahasiswa akan dimuatnaik melalui portal rasmi dan laman media sosial MITRA mulai 14 April 2026.

MITRA kini berada di bawah kepimpinan Ketua Pengarah baharu, YBrs. Tuan Raveendran Nair A/L K. Kesavan Nair, yang telah melapor diri pada 24 Mac 2026, selaras dengan penstrukturan semula agensi ini di bawah KESUMA. Pelaksanaan program-program akan diperkemaskan semula dan dilaksanakan secara lebih teratur serta mematuhi tatakelola yang berkuat kuasa.

Antara syarat kelayakan yang ditetapkan bagi penerima bantuan IPT 5.0 adalah:

- a) Mahasiswa daripada keluarga B40;
- b) Mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda;
- c) Merupakan pelajar Tahun Pertama bagi Sesi Akademik 2025/2026 sahaja; dan
- d) Mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap.

Program IPT 5.0 merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MITRA dalam memperkasa akses pendidikan tinggi dalam kalangan komuniti India Malaysia dengan tujuan meringankan beban kewangan, khususnya pada peringkat awal kemasukan.

Sebarang pertanyaan berhubung Program Bantuan Awal Kemasukan IPT MITRA (IPT 5.0 MITRA) Tahun 2025 boleh diajukan kepada pegawai MITRA di talian 03-88866192 bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja atau e-mel kepada spl@mitra.gov.my.

MITRA menegaskan komitmen berterusan dalam memastikan peluang pendidikan yang lebih inklusif dan saksama, selaras dengan usaha melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi.

-TAMAT-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**